

SULIT



UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER KEDUA SESI 1997/98**

KOD/NAMA KURSUS : SZ 2003 PENYELIDIKAN SAINS SOSIAL

TARIKH : 01 MAC 1998 (AHAD)

MASA : 2.30 - 5.00 PETANG (2 1/2 JAM)

TEMPAT : PUSAT KONVENSYEN (DP 1/7)

ARAHAN :

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian, iaitu Bahagian A, B dan C di dalam **TUJUH BELAS (17)** mukasurat.
2. Anda perlu menjawab **SEMUA** soalan dalam ruang jawapan yang disediakan.
3. Sila rujuk kepada bahagian-bahagian yang khusus untuk arahan-jawapan dan nilai permarkahan.

NO. MATRIK : _____
(dengan perkataan) (dengan angka)

NO. KAD PENGENALAN :

NAMA PENSYARAH : _____ KUMPULAN :

**JANGAN BUKA SOALAN INI
SEHINGGA DIBERI ARAHAN**

SULIT

BAHAGIAN A (40 markah)

Arahan: Sila jawab SEMUA soalan di dalam Bahagian ini dengan membulatkan pilihan abjad a, b, c, atau d. Ataupun anda diminta menulis jawapan di dalam ruang yang disediakan. Setiap satu soalan diberikan satu (1) markah sekiranya markah tidak dinyatakan pada soalan berkenaan,

1. Satu kelebihan menggunakan kaedah tinjauan di dalam sesuatu penyelidikan ialah:
 - a. boleh menggunakan bilangan subjek yang ramai
 - b. mudah mendapatkan sampel yang mewakili populasi
 - c. jawapan-jawapan yang tepat diperolehi dengan kadar yang tinggi
 - d. kesemua di atas adalah benar

2. Di dalam sebuah laporan kajian, anda mendapati bahawa umur min subjek yang terlibat ialah 23.5 tahun. Data ini menunjukkan bahawa
 - a. semua subjek berumur 23 tahun setengah.
 - b. majoriti subjek berumur 23 tahun setengah.
 - c. secara purata, subjek-subjek berumur 23 tahun setengah.
 - d. separuh daripada subjek berumur kurang daripada 23 tahun, dan separuh lagi berumur lebih daripada 23 tahun.

3. Kaedah korelasi menumpu kepada:
 - a. perbezaan-perbezaan di antara min kumpulan.
 - b. mengawal variabel-variabel bebas dan bergantung.
 - c. kualiti kawalan eksperimentasi.
 - d. sifat hubungan di antara 2 (dua) variabel.

4. Seorang pensyarah mendapati bahawa pelajar-pelajar yang duduk di bahagian hadapan semasa kuliah memperolehi markah yang lebih tinggi di dalam peperiksaan berbanding dengan mereka yang duduk di bahagian belakang. Satu kesimpulan yang boleh dibuat oleh pensyarah tersebut ialah:
- pelajar boleh mendapat markah yang lebih tinggi jika ia menukar tempat duduknya dari belakang ke hadapan.
 - pelajar-pelajar yang lemah memilih untuk duduk di bahagian belakang.
 - terdapat hubungan di antara corak tempat duduk dengan markah di dalam peperiksaan.
 - pensyarah memberi perhatian istimewa kepada pelajar yang duduk di bahagian hadapan.
5. Di dalam satu kajian, penyelidik melibatkan 2 kumpulan subjek yang mana satu kumpulan didedahkan kepada paras suhu yang berbeza-beza sementara yang satu lagi berada di dalam bilik yang mana paras suhunya tidak berubah. Matlamat penyelidikan ini ialah untuk melihat sama ada paras suhu mempunyai kesan ke atas tingkahlaku agresif. Kenalpasti perkara-perkara berikut: (4 markah)
- Kumpulan eksperimentasi _____
 - Kumpulan kawalan _____
 - Variabel bebas _____
 - Variabel bergantung _____
6. _____ juga digelar sebagai kiraan purata.
- koefisien korelasi
 - min
 - paras signifikan
 - sisihan piawai

7. Jika data sesuatu kajian menunjukkan wujudnya **hubungan yang positif** di antara dua variabel, iaitu x dan y , ini bermaksud:
- apabila x meningkat, y juga meningkat
 - apabila x meningkat, y menurun
 - besar kemungkinan x menyebabkan y
 - x meramalkan y , tetapi y menyebabkan x
8. Kelebihan utama **kaedah eksperimentasi** ialah:
- membantu penyelidik menguji teori-teori baru.
 - menguji hipotesis tentang hubungan sebab-akibat.
 - membolehkan pengkaji membuktikan hipotesis yang dikemukakannya.
 - membolehkan pengkaji melakukan analisis yang lebih mendalam ke atas sesuatu kes.
9. Semua kenyataan di bawah adalah tidak tepat berhubung dengan **hipotesis**, **KECUALI**:
- Ia adalah sebahagian daripada sesuatu teori.
 - Ia disokong oleh hasil daripada beberapa kajian.
 - Ia adalah satu ramalan yang boleh diuji.
 - Ia adalah fakta yang ketahu umum.
10. Berikut adalah ciri-ciri **kaedah kualitatif**, **KECUALI**:
- mementingkan konteks apabila mengumpul data
 - lazimnya melibatkan bilangan subjek yang tidak ramai
 - analisis berdasarkan tema
 - mengukur data objektif

11. Dua pendekatan utama dalam penyelidikan ialah pendekatan positivistik dan pendekatan interpretif. Ciri-ciri utama yang membezakan dua pendekatan ini meliputi aspek-aspek matlamat, pendekatan teori, dan jenis data yang dikumpul. Kenyataan yang manakah benar berhubung dengan pendekatan positivistik?
- matlamat pemerihalan, teori deduktif, data kualitatif.
 - matlamat huraian, teori deduktif, data kuantitatif
 - matlamat pemerihalan, teori induktif, data kuantitatif
 - matlamat huraian, teori induktif, data kualitatif
12. Soalan-soalan berbentuk terbuka dan tertutup mempunyai kelebihan dan kelemahan yang tersendiri. Berikut adalah kelebihan soalan terbuka berbanding dengan soalan tertutup, **KECUALI**:
- responden bebas memberi jawapannya tanpa batasan daripada jawapan-jawapan pilihan yang disediakan
 - mudah mengekod dan menganalisis jawapan-jawapan yang diberikan oleh responden
 - responden boleh memberi jawapan yang terperinci dan memberi penjelasan kepada jawapan-jawapannya
 - membenarkan responden memberi jawapan-jawapan yang kreatif dan mungkin mencetuskan penemuan-penemuan yang tidak dijangkakan
13. Tahap-tahap pengukuran (*levels of measurement*) merujuk kepada darjah ketepatan sesuatu ukuran dan akan menentukan sejauhmana analisis statistik boleh digunakan. Terdapat empat (4) tahap pengukuran yang disusun daripada ketepatan yang paling rendah hingga kepada yang paling tinggi. Yang manakah susunan yang betul?
- Ordinal, Nominal, Interval, Ratio
 - Nominal, Interval, Ratio, Ordinal
 - Nominal, Ordinal, Interval, Ratio
 - Ordinal, Nominal, Ratio, Interval

14. Sebelum analisis dilakukan ke atas data kuantitatif, langkah-langkah awal di dalam pemprosesan data tersebut melibatkan perkara-perkara berikut. Susunan yang manakah patut diikuti?
- edit, kod, pindah, bersih
 - kod, edit, bersih, pindah
 - edit, kod, bersih, pindah
 - kod, edit, pindah, bersih
15. **Salahlaku saintifik** (*scientific misconduct*) bermaksud semua di bawah, **KECUALI**:
- satu bentuk tingkahlaku tidak beretika
 - berlaku apabila penyelidik memalsukan data
 - merupakan satu kesalahan dari segi undang-undang
 - boleh dikesan melalui polisi-polisi yang digubal oleh institusi penyelidikan
16. **Kebolehpercayaan** (*reliability*) dan **keesahan** (*validity*) adalah dua konsep yang penting apabila membincangkan pengukuran dalam penyelidikan. Berikut adalah kenyataan-kenyataan yang benar berkaitan dengan dua konsep tersebut, **KECUALI**
- Keesahan lebih sukar diperolehi berbanding dengan kebolehpercayaan.
 - Sesuatu ukuran itu mungkin sah tetapi tidak mempunyai kebolehpercayaan.
 - Sesuatu ukuran itu hanya boleh mencapai keesahan jika ia boleh dipercayai.
 - Sesuatu ukuran itu mungkin boleh dipercayai tetapi tidak sah.
17. Berikut adalah contoh-contoh **data ordinal**, **KECUALI**:
- kelas sosial
 - tahap pendidikan
 - agama
 - kumpulan umur

Soalan-soalan 18 -24 adalah merujuk kepada ringkasan kajian di bawah ini:

Sekumpulan pensyarah daripada Sekolah Pembangunan Sosial telah menjalankan satu kajian untuk melihat sejauhmana penggunaan Perpustakaan mempunyai hubungan dengan pencapaian akademik di kalangan pelajar UUM.

Pemilihan pelajar telah dilaksanakan berdasarkan senarai nama pelajar yang menginap di setiap Kolej Kediaman. Kolej Kediaman dikelompokkan kepada tiga kategori, iaitu yang berhampiran, sederhana, dan berjauhan daripada Perpustakaan. Daripada setiap Kolej Kediaman, sepuluh peratus (10%) daripada pelajar telah dipilih secara rawak, yang mana separuh daripada mereka terdiri daripada pelajar lelaki dan separuh lagi pelajar perempuan. Mereka diminta menjawab soalselidik "Corak Penggunaan Perpustakaan Di Kalangan Pelajar".

Hasil kajian menunjukkan bahawa pelajar-pelajar yang kerap menggunakan Perpustakaan adalah juga terdiri daripada mereka yang menunjukkan pencapaian akademik yang tinggi. Didapati juga bahawa jantina dan lokasi Kolej Kediaman tidak ada pengaruh ke atas hubungan tersebut.

18. **Objektif** kajian di atas ialah:

- a. Mengenalpasti kesan penggunaan Perpustakaan ke atas pencapaian akademik.
- b. Meneroka corak penggunaan Perpustakaan di kalangan pelajar.
- c. Memeriksa hubungkait di antara pencapaian akademik dengan penggunaan Perpustakaan.
- d. Meneliti pengaruh pencapaian akademik ke atas corak penggunaan Perpustakaan.

19. Kenalpasti 4 **variabel** utama di dalam kajian ini:

- a. _____
- b. _____
- c. _____
- d. _____

20. Faktor jantina dan lokasi Kolej Kediaman diambilkira untuk memeriksa sama ada faktor-faktor tersebut mempunyai pengaruh ke atas hubungan di antara penggunaan Perpustakaan dan pencapaian akademik. Jantina dan lokasi Kolej kediaman adalah variabel

- a. mencelah
- b. diskrit
- c. selanjar
- d. kawalan

21. Bentuk tiga (3) hipotesis yang boleh digunakan untuk kajian ini.

- a. _____

- b. _____

- c. _____

22. Apakah populasi kajian ini?

- a. Semua pelajar UUM.
- b. Pelajar-pelajar yang mengunjungi Perpustakaan.
- c. Pelajar-pelajar yang tinggal di Kolej Kediaman.
- d. Sepuluh peratus daripada semua pelajar.

23. **Rekabentuk kajian ini ialah:**

- a. Pemerhatian
- b. Tinjauan
- c. Eksperimentasi
- d. Kajian Kes

24. Hasil kajian menunjukkan **hubungan** yang _____ di antara penggunaan Perpustakaan dan pencapaian akademik.

- a. Relatif
- b. Negatif
- c. Positif
- d. Tiada hubungan

25. Berikut adalah tiga **matlamat** penyelidikan sains sosial, **KECUALI:**

- a. Pemerhatian
- b. Pemerihalalan
- c. Penerokaan
- d. Huraian

26. Jenis persampelan yang manakah yang boleh dikategorikan sebagai **persampelan kebarangkalian/probabiliti?**

- a. Kuota
- b. Kesenangan
- c. Bertujuan
- d. Sistematis

27. Satu persoalan yang kerap timbul mengenai persampelan ialah **saiz sampel**. Penentuan saiz sampel yang sesuai adalah penting untuk memastikan sampel yang tepat digunakan. Salah satu prinsip umum yang kerap digunakan ialah **nisbah persampelan** (*sampling ratio*), yang bermaksud:
- Semakin kecil populasi, semakin kecil nisbah/kadar persampelan
 - Semakin kecil populasi, semakin besar nisbah/kadar persampelan
 - Semakin besar populasi, semakin besar nisbah/kadar persampelan
 - Semakin besar populasi, semakin kecil nisbah/kadar persampelan
28. Semasa anda merujuk kepada jurnal-jurnal akademik, setiap **artikel** yang terkandung di dalam jurnal-jurnal tersebut pada lazimnya dibahagikan kepada **bahagian-bahagian** utama seperti Pengenalan ataupun Latarbelakang, Metodologi, Hasil Kajian, dan Perbincangan ataupun Kesimpulan. Lazimnya, perbincangan mengenai alat pengukur terdapat di dalam bahagian:
- Hasil Kajian
 - Latarbelakang
 - Kesimpulan
 - Metodologi
29. Dua perkara penting apabila menyediakan **soalan-soalan** untuk sebuah soalselidik ialah ia seharusnya mempunyai ciri-ciri:
- kebolehpercayaan
 - kerelevanan
 - ketepatan
 - keesahan
- i) dan ii)
 - ii) dan iii)
 - i) dan iii)
 - ii) dan iv)


30. Statistik univariat tidak boleh digunakan untuk menghasilkan:

- a. Sisihan Piawai
- b. Min
- c. Gambarajah Selerakan (Scattergram)
- d. Median

31. Semasa menyediakan laporan penyelidikan, bahagian yang manakah yang tidak diletakkan di bahagian Lampiran?

- a. Borang Soalselidik
- b. Surat Kebenaran/Pengenalan
- c. Abstrak
- d. Bibliografi/Rujukan

32. Contoh skel yang kerap digunakan di dalam penyelidikan sains sosial adalah seperti di bawah ini. Skel jenis ini digelar sebagai Skel:



- a. Thurstone
- b. Perbezaan Semantik
- c. Guttman
- d. Likert

BAHAGIAN B (30 markah)

Arahan: Sila jawab **SEMUA** soalan di dalam ruang yang disediakan.

1. **Ulasan karya** dilaksanakan sebagai langkah awal di dalam penyelidikan. Berdasarkan matlamatnya, terdapat beberapa jenis ulasan karya. Bezakan **ulasan metodologi** (*methodological review*) daripada **ulasan teoretikal** (*theoretical review*). (5 markah)

2. Berikut adalah maklumat berkaitan dengan sebuah artikel di dalam jurnal. Berpandu kepada **stail/gaya APA** yang digunakan dalam tugas anda, susun maklumat tersebut supaya menjadi satu **bentuk rujukan**.

Nama Jurnal: Journal of Applied Psychology

Tajuk Artikel: Occupational Stress: Its Causes and Consequences for Job Performance.

Siri Jurnal: Jilid 71, Nombor 4, halaman 618 hingga 629, tahun 1986

Pengarang: Stephan J. Motowidlo, John S. Packard, dan Michael R. Manning

(5 markah)

3. Dalam **penyediaan soalan** untuk soalselidik yang digunakan dalam kajian tinjauan, terdapat beberapa perkara yang patut dielakkan supaya soalan-soalan berkenaan menjadi jelas dan dapat difahami oleh responden. Beri **lima (5)** perkara yang mesti dielakkan ketika penyediaan soalan-soalan berkenaan.

(5 markah)

4. Dua kaedah pengumpulan data melalui **kajian tinjauan** ialah dengan menggunakan soalselidik dan secara temubual bersemuka. Nyatakan dua (2) kelebihan bagi soalselidik dan dua (2) kelebihan temubual.

(4 markah)

5. Dr. Teh telah mendapat gran penyelidikan untuk mengkaji pelbagai aspek kehidupan di kalangan *transeksual*, ataupun yang lazim digelar sebagai golongan *Mak Nyah*. Oleh sebab golongan ini merupakan satu populasi yang kecil dan tidak mudah diketahui secara umumnya di mana sebahagian besar mereka boleh dihubungi untuk dipilih sebagai sampel kajian, beliau telah mendapatkan kerjasama seorang *Mak Nyah* yang telah bersetuju menjadi subjek di dalam kajian tersebut. (a) Adakah Dr. Teh akan menggunakan pendekatan **Kuantitatif ataupun Kualitatif**? (b) Apakah kaedah **pengumpulan data** yang paling sesuai digunakan di dalam kajian ini? (c) Apakah satu **(1) kelebihan** kaedah ini dan satu **(1) kelemahan** kaedah ini? (d) Apakah jenis **statistik** yang digunakan untuk membincangkan hasil kajiannya? (e) Jika Dr. Teh ingin menyokong hasil kajiannya dengan menambahkan bilangan subjek di dalam kajian ini, apakah teknik **persampelan** yang boleh digunakannya?
(6 markah)

6. Dengan menggunakan rajah, susun lima **(5) langkah** utama dalam proses penyelidikan.
(5 markah)

BAHAGIAN C (30 markah)

Arahan: Sila jawab SEMUA soalan di dalam ruang yang disediakan.

1. Soalan-soalan berikut adalah berdasarkan data di bawah yang menunjukkan senarai markah peperiksaan bagi sekumpulan pelajar lelaki dan perempuan.

<u>Pelajar</u>	<u>Jantina</u>	<u>Markah</u>
1	L	72
2	L	54
3	P	63
4	P	82
5	P	72
6	L	70
7	P	65
8	L	66
9	L	58
10	L	70
11	P	79
12	P	54
13	P	66
14	P	75
15	P	70
16	L	62
17	L	85
18	P	68
19	P	59
20	P	76
21	L	72
22	L	74
23	P	72
24	P	64
25	P	60

- a. Apakah **Min** bagi markah peperiksaan ini? _____ (2 markah)
- b. Apakah **Median** bagi markah peperiksaan ini? _____ (2 markah)
- c. Apakah **Mod** bagi markah peperiksaan ini? _____ (2 markah)

d. Kelompokkan markah kepada **empat (4) kategori**, iaitu 51-60; 61-70; 71-80; dan 81-90. Berdasarkan kategori markah ini,

i) bentuk satu **jadual univariat** bagi taburan kekerapan dan peratusan. (5 markah)

ii) bentuk **graf turus (bar graph)** bagi taburan kekerapan.

(4 markah)

- e. Berdasarkan kategori markah yang sama di atas, bentuk jadual dwivariat dengan mengambilkira faktor jantina. (5 markah)

2. Satu prinsip etika yang asas di dalam penyelidikan sosial ialah seseorang individu tidak seharusnya dipaksa menyertai dalam sesuatu kajian sebagai subjek. Penyertaan subjek di dalam sesuatu kajian seharusnya secara sukarela dan persetujuannya dinyatakan setelah ia diberi maklumat mengenai kajian tersebut. Ini yang dimaksudkan dengan **prinsip kerelaan** (*informed consent*). Bincangkan lima (5) daripada perkara-perkara berkaitan dengan kajian yang perlu dijelaskan sebelum seseorang itu memberi persetujuannya untuk terlibat di dalam di dalam sesuatu kajian. (10 markah)

000205488

PERPUSTAKAAN
Universiti Utara Malaysia